

KELONGGARAN UNTUK MENGEMUKAKAN E-INVOIS YANG DISATUKAN DALAM TEMPOH AWAL PELAKSANAAN E-INVOIS

Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia (HASiL) mengambil maklum komitmen pembayar cukai dalam mematuhi keperluan perundangan e-Invois yang memerlukan tempoh masa mencukupi, terutamanya melibatkan industri yang mempunyai persekitaran perniagaan yang mencabar dan kompleks.

Bagi memastikan pelaksanaan e-Invois berjalan dengan lancar, kerajaan bersetuju untuk memberikan kelonggaran kepada pembayar cukai dalam tempoh enam (6) bulan dari tarikh pelaksanaan mandatori e-Invois untuk mengeluarkan e-Invois yang disatukan bagi semua transaksi seperti berikut:

- a) Membenarkan semua aktiviti / industri untuk mengeluarkan e-Invois yang disatukan termasuk e-Invois bil sendiri;
- b) Membenarkan apa-apa diskripsi transaksi dimasukkan di medan “Keterangan Produk atau Perkhidmatan”; dan
- c) Jika terdapat permohonan e-Invois daripada pembeli, penjual juga dibenarkan untuk hanya mengeluarkan e-Invois yang disatukan tanpa mengeluarkan e-Invois bagi setiap transaksi.

Pihak HASiL juga mengesahkan, dalam tempoh enam (6) bulan tersebut, tiada tindakan pendakwaan di bawah seksyen 120 Akta Cukai Pendapatan 1967 terhadap ketidakpatuhan peraturan e-Invois dengan syarat pembayar cukai mematuhi keperluan e-Invois yang disatukan seperti dinyatakan di atas.

Tempoh kelonggaran yang diberikan ini diharap akan memberi ruang masa yang mencukupi kepada pembayar cukai untuk memastikan pelaksanaan e-Invois sepenuhnya yang lebih efektif meliputi kesemua aspek seperti ketersediaan sistem, kelancaran operasi perniagaan dan pengurusan perubahan dalam perniagaan.

Sebagai maklumat tambahan, bagi mengiktiraf pembayar cukai yang berjaya melaksanakan e-Invois mengikut garis masa yang ditetapkan (tanpa menggunakan kelonggaran di atas), pengurangan tempoh tuntutan elaun modal daripada tiga (3) tahun kepada dua (2) tahun akan diberikan bagi pembelian peralatan ICT dan pakej perisian komputer berkuat kuasa mulai Tahun Taksiran (TT) 2024 hingga TT 2025.

Sebarang pertanyaan lanjut berhubung pelaksanaan e-Invois boleh disalurkan melalui:

- Meja Bantuan e-Invois HASiL di talian 03-8682 8000 (talian 24 jam);
- MyInvois Live Chat;
- e-mel myinvois@hasil.gov.my bagi pertanyaan umum e-Invois; dan
- Borang Maklum Balas Pelanggan MyInvois di pautan <https://feedback.myinvois.hasil.gov.my>



@HASiLMalaysia



@HASiL_Malaysia



@hasil_malaysia



@HASiL_Malaysia



@hasil_malaysia

SEKIAN, TERIMA KASIH.

ESCALATE THE PASSION

Dikeluarkan oleh:

**Bahagian Perhubungan Awam dan Multimedia | Jabatan Khidmat Korporat
Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia**

Hasil Contact Centre: 03-8911 1000 / 603-8911 1000 (luar negara)

Portal Rasmi : www.hasil.gov.my

Tarikh: 26 Julai 2024



@HASiLMalaysia



@HASiL_Malaysia



@hasil_malaysia



@HASiL_Malaysia



@hasil_malaysia